

# PM: Perangi inflasi

Oleh ABDUL AZIZ ISHAK

KUALA LUMPUR 31 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengajak seluruh rakyat Malaysia melangkah ke tahun baru 1995 dengan tekad untuk memerangi inflasi habis-habisan bagi memastikan negara tidak diancam kemerosotan ekonomi.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia boleh berbangga dengan pertumbuhan ekonomi yang masih tinggi tetapi harus menyedari bahawa negara maju seperti Jepun sekalipun boleh mengalami kemerosotan dengan tiba-tiba.

Katanya, bahaya yang selalu mengancam negara maju ialah inflasi, yang akan menyebabkan pendapatan tinggi hilang nilainya kerana inflasi yang terus meningkat mengakibatkan pendapatan yang bertambah tidak berupaya membeli banyak barang atau khidmat.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir merayu para pegawai eksekutif, kesatuan sekerja dan para pekerja supaya tidak memikirkan tentang 'hari ini sahaja' dengan menuntut kenaikan gaji yang tinggi.

"Kerajaan telah mengurangkan cukai dan membentuk pelbagai pendekatan untuk mengawal inflasi bertujuan supaya sara hidup kita tidak meningkat."

"Tetapi janganlah balasan kita ialah menuntut tambahan upah yang boleh menjejaskan usaha kerajaan mengawal inflasi," katanya dalam perutusan menyambut tahun baru 1995 menerusi RTM malam ini.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa sedikit sebanyak kemakmuran dan harga barangan yang rendah sekarang adalah hasil daripada pelbagai dasar dan pendekatan yang diambil oleh kerajaan.

Menurut beliau, kawalan inflasi tidak boleh dihadkan kepada kawalan harga barangan yang dijual sahaja dan

■ Lihat muka 2

## PM: Perangi inflasi

punca kenaikan juga mesti dikawal termasuk ke atas upah sama ada yang berjawatan tinggi atau rendah.

Katanya, eksekutif yang menuntut gaji puluhan ribu ringgit turut menyumbang kepada inflasi sama seperti pekerja yang menuntut upah dinaikkan tanpa sumbangan kepada kenaikan produktiviti.

Beliau percaya upah patut dinaikkan bersama dengan pertumbuhan ekonomi tetapi tidaklah ke paras yang sama jika ingin mengelak inflasi.

"Kenaikan sehingga 20 peratus yang diberikan baru-baru ini kepada satu kumpulan pekerja iaitu jauh lebih tinggi daripada pertumbuhan ekonomi yang hanya lapan peratus tetap akan memburukkan ekonomi," ujar beliau.

Mungkin perusahaan berkenaan mampu tetapi ini akan menyebabkan yang tidak mampu juga didesak memberi kenaikan yang sama, kata beliau.

"Dan untuk melayan tuntutan, harga jualan, khidmat atau barangan terpaksa dinaikkan dan kesannya ialah inflasi," katanya lagi.

Yang malang sekali, kata Perdana Menteri ialah kos sara hidup yang meningkat merugikan mereka yang berpendapatan

rendah dan sederhana, lebih daripada yang berpendapatan tinggi.

Beliau berkata, tanpa memikirkan asas-asas inflasi, mereka ini biasanya mendesak untuk mendapatkan upah dan gaji yang bertambah bagi menampung kemerosotan daya membeli mereka.

"Mereka tidak menjadi lebih kaya bahkan di sesetengah negara mereka menjadi lebih miskin dan terus menganggur kerana mengejar tambahan pendapatan," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, ini kerana negara perdagangan seperti Malaysia tidak akan dapat bersaing di pasaran dunia jika harga barangan keluarannya menjadi lebih tinggi, menyebabkan semua industri dan perniagaan merosot, pelaburan berkurangan, pekerja akan dibersarakan serta yang menganggur terus menganggur.

"Apabila ekonomi sudah merosot, pemulihan amatlah sukar dibuat. Lihatlah nasib beberapa negara maju.

"Hakikat yang jelas ini nampaknya begitu sukar difahami oleh ramai anggota masyarakat," tegas Perdana Menteri.

Dalam menangani masalah sosial seperti gejala lepak, 'bohsia' dan penyalahgunaan da-

dah, Dr. Mahathir menarik perhatian betapa perlunya rakyat dari semua kaum dan lapisan berganding bahu dan berusaha bagi mengatasi masalah-masalah tersebut.

Beliau yakin masalah-masalah tersebut boleh diatasi menerusi pelbagai rancangan dan tindakan kerajaan termasuk program Rakan Muda tetapi peranan juga mesti dimainkan oleh semua pihak khususnya ibu bapa dan pihak sekolah.

Sehubungan itu, beliau mengajak rakyat memulakan hari pertama tahun 1995 dengan ingatan bahawa keamanan dan kemakmuran tidak kekal dengan sendirinya.

Katanya, kemakmuran dan kebahagiaan hidup bergantung kepada pegangan kepada nilai-nilai yang mulia, kepada budaya yang sesuai dan tindakan yang waras yang boleh memelihara kebahagiaan dan kemakmuran secara yang lebih kekal.

"Pada hari yang bahagia ini marilah kita bersama-sama insaf dan bersyukur, dan dengan itu sanggup membendung nafsu untuk kebahagiaan yang lebih kekal," katanya sambil melahirkan rasa syukur 1994 berlalu tanpa malapetaka besar menimpa negara.